

Soalan Lazim: Perubahan Bayaran Ansuran untuk Akaun Pinjaman/Pembiayaan Perumahan

S1: Mengapakah saya menerima notis/SMS daripada pihak Bank yang memaklumkan kepada saya bahawa kadar bayaran ansuran telah menurun bermula dari 01/07/2019?

J1: Pihak Bank telah mengubah kadar rujukan berikut efektif dari 15/05/2019:

Kadar Rujukan	
Kadar Asas (BR)/Kadar Asas Islamik (IBR)	3.88% p.a.
Kadar Pinjaman Asas (BLR)/Kadar Pembiayaan Islamik Semasa (IFR)	6.89% p.a.
Kadar Deposit Tetap 12-bulan (FDR)	2.85% p.a.

Selaras dengan perubahan ini, pihak Bank telah menyemak akaun gadai janji/pembiayaan hartanah-i anda dan telah mengubah ansuran anda efektif dari 01/07/2019.

S2: Saya mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank. Adakah pengurangan kadar rujukan akan memberi kesan kepada kadar faedah/keuntungan pinjaman/pembiayaan saya?

J2: Ya. Sekiranya pinjaman/pembiayaan akaun anda adalah berdasarkan kadar rujukan, kadar faedah/keuntungan akaun anda juga akan disemak semula.

S3: Saya menyedari bahawa amaun bayaran ansuran saya telah disemak semula. Mengapakah saya tidak menerima surat pemberitahuan daripada Bank untuk memaklumkan tentang semakan semula ansuran ini?

J3: Surat pemberitahuan mengenai semakan semula ansuran telah dihantar kepada anda melalui mel biasa pada June 2019 berdasarkan alamat surat-menyurat yang diberi oleh anda. Sekiranya anda telah mengubah alamat surat-menyurat anda, anda dinasihatkan untuk mengunjungi cawangan terdekat kami untuk mengemaskini alamat surat-menyurat anda.

S4: Bagaimanakah penyemakan semula ansuran saya dikira?

J4: Penyemakan semula ansuran anda dikira berdasarkan baki tertunggak pinjaman/pembiayaan akaun anda pada 14/06/2019, baki tempoh, dan kadar faedah/keuntungan semasa selepas perubahan kadar rujukan.

S5: Saya mempunyai beberapa akaun pinjaman/pembiayaan dengan Bank. Mengapakah saya hanya menerima satu surat pemberitahuan daripada Bank?

J5: Sekiranya anda tidak menerima apa-apa surat pemberitahuan untuk akaun anda yang lain, ini bermakna akaun lain anda telah dikecualikan daripada semakan semula ansuran pada pusingan ini dan maka perubahan ansuran tidak diperlukan. Kami akan terus menyemak semua akaun anda sekiranya perubahan diperlukan dan akan memaklumkan kepada anda sewajarnya.

S6: Amaun ansuran yang disemak semula saya lebih rendah daripada amaun ansuran saya yang lama. Bolehkah saya memilih untuk mengekalkan jumlah ansuran bulanan saya yang lama?

J6: Ya. Anda dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Permintaan Perkhidmatan (SRF) untuk mengekalkan amaun ansuran yang lama. Anda boleh menghantar SRF di cawangan terdekat atau Pusat Hubungi kami. Bagaimanapun, kami ingin memberi perhatian kepada anda bahawa sekiranya semakan semula cicilan masa depan (sama ada ke atas atau ke bawah) disebabkan perubahan dalam kadar rujukan, ini sekali lagi akan menjejaskan jumlah ansuran anda yang lama. Mengandaikannya adalah semakan yang turun dan anda masih ingin mengekalkan amaun ansuran yang lama; anda perlu mengemukakan permintaan baru kepada Bank.

TAMAT